

## BAB KEEMPAT

### KES-KES CERAI TA'LIQ DI MAHKAMAH SYARIAH KOTA BHARU SEPANJANG 1996 HINGGA 2001

#### Pendahuluan

Analisis terhadap kes-kes cerai ta'liq yang dibuat adalah berdasarkan data-data yang telah disediakan oleh pihak Mahkamah Tinggi Syariah. Data-data yang ada merangkumi keseluruhan kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Kota Bharu. Penulis telah menyusun semula data-data tersebut ke dalam bentuk-bentuk jadual yang secara khusus menumpukan kepada kes-kes cerai ta'liq dan beberapa jadual yang menunjukkan perbandingan dengan kes-kes perceraian yang lain seperti fasakh dan cerai biasa. Amalan mahkamah ialah menyediakan data-data berkaitan jumlah kes yang telah selesai dibicarakan pada setiap tahun dan jumlah kes yang masih belum selesai atau tertangguh. Oleh kerana itu penulis juga membuat analisis tentang perkara tersebut secara khusus berkaitan dengan kes-kes cerai ta'liq. Maklumat terakhir yang penulis dapat adalah sehingga akhir tahun 2000. Ini kerana Mahkamah Tinggi Syariah masih belum menerima laporan tentang jumlah kes seluruh jajahan sehingga akhir tahun 2001.


Bagi kes-kes cerai ta'liq yang diadukan di Mahkamah Rendah Syariah akan didaftarkan dalam buku khas. Penulis telah menjumlahkan kes-kes yang didaftarkan mengikut katagori kes ta'liq tinggal, ta'liq menyakiti tubuh badan, ta'liq tidak peduli dan lain-lain. Jumlah kes yang didapati adalah sehingga akhir tahun 2001.

#### 4.1 Perbandingan Kes-kes Cerai Ta'liq, Fasakh dan Cerai Biasa dari Tahun 1996 Hingga Tahun 2000

Jadual 4.1.1 Jumlah Kes Cerai Ta'liq, Fasakh dan Cerai Biasa

Jenis kes	Tahun		1996		1997		1998		1999		2000	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Cerai Ta'liq	142	26	130	24	190	29	187	40	148	25		
Fasakh	10	2	7	1	5	1	17	4	10	2		
Cerai Biasa	396	72	407	75	469	70	266	56	437	73		
Jumlah	548	100	544	100	664	100	470	100	595	100		

Jadual 4.1.2 Peratus Kes Cerai Ta'liq, Fasakh Dan Cerai Biasa



Dari jadual 4.1.1 dan 4.1.2 di atas dapat dilihat kadar perceraian yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Kota Bharu pada tahun 1996 hingga tahun 2000. Kes-kes perceraian yang biasanya dituntut termasuk cerai ta'liq, fasakh dan cerai biasa. Dari kesemua jenis perceraian, permohonan cerai biasa paling banyak dituntut berbanding cerai ta'liq dan fasakh. Pada tahun 1996, jumlah keseluruhan kes-kes perceraian adalah sebanyak 548 kes. Dari jumlah tersebut 142 kes adalah cerai ta'liq, 10 kes fasakh dan 396 kes cerai biasa. Peratus yang paling tinggi adalah kes cerai biasa (72%). Di ikuti dengan kes cerai ta'liq sebanyak 26% dan seterusnya kes fasakh hanya 10 kes iaitu sebanyak 2%.

Pada tahun 1997, jumlah pendaftaran cerai secara keseluruhannya menurun kepada 544 kes. Walaupun demikian, bagi kes cerai biasa meningkat kepada 407 kes iaitu melibatkan jumlah 75% berbanding tahun sebelumnya iaitu 396 kes. Manakala kes-kes cerai ta'liq telah menurun kepada 130 kes (24%) dan kes fasakh menurun dari 10 kes kepada 7 kes sahaja.

Berlaku lagi peningkatan jumlah kes cerai secara keseluruhan pada tahun 1998 kepada 664 kes. Pertambahan kes naik secara mendadak sehingga 120 kes. Peningkatan berlaku pada jumlah kes cerai ta'liq dan kes cerai biasa. Kes cerai ta'liq meningkat dari 130 kes kepada 190 kes (29%). Bagi kes cerai biasa juga meningkat dari 407 kes kepada 469 kes (70%). Sebaliknya, bagi kes fasakh telah menurun dari 7 kes kepada 5 kes sahaja.

Pada tahun 1999, jumlah keseluruhan kes tuntutan cerai menurun semula kepada 470 kes. Dari jumlah ini kes-kes cerai ta'liq adalah sebanyak 187 kes (40%) dan kes cerai biasa sebanyak 266 kes (56%). Perkara sebaliknya pula berlaku pada kes fasakh. Ini kerana kes fasakh pada tahun ini telah meningkat sebanyak 12 kes, iaitu dari 5 kes kepada 17 kes.

Akhir sekali pada tahun 2000 berlaku peningkatan sekali lagi, iaitu dari 470 kes cerai yang didaftarkan tahun sebelumnya kepada 595 kes. Bagi kes cerai biasa meningkat dari 266 kes kepada 437 kes. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan hampir satu kali ganda. Sebaliknya bagi kes cerai ta'liq menurun sedikit iaitu dari 187 kes tahun sebelumnya kepada 148 kes. Bagi kes fasakh juga


pula telah menurun kepada 10 kes. Oleh kerana kes cerai biasa meningkat tinggi, maka jumlah keseluruhan kes juga meningkat.

Perbandingan dapat dilihat dengan jelas daripada ketiga-tiga jenis tuntutan cerai, menunjukkan bahawa kes cerai biasa paling banyak dituntut diikuti cerai ta'liq dan fasakh. Antara cerai ta'liq dan fasakh menunjukkan kes cerai ta'liq lebih banyak dituntut berbanding dengan fasakh. Ini adalah disebabkan tuntutan kes cerai ta'liq lebih mudah disabitkan berbanding fasakh.

Jadual 4.1.3 Jumlah Keseluruhan Kes Cerai di Kelantan

Tahun	1996	1997	1998	1999	2000
Jumlah Kes Cerai	584	544	664	470	595
%	20	19	23	16	21

Jadual 4.1.4 Peratus Keseluruhan Kes Cerai di Kelantan



#### 4.2 Statistik Kes Cerai Ta'liq Mengikut Katagori di Jajahan Kota Bharu

Daripada fail-fail kes cerai ta'liq yang didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, didapati statistik kes mengikut jenis tuntutan ta'liq adalah


seperti dalam jadual 4.2.1. Kes-kes tersebut adalah kes-kes yang didaftarkan di dalam jajahan Kota Bharu.

Terdapat kes-kes yang difaikkan di bawah jenis ta'liq persendirian dan ta'liq lisan. Kedua-duanya pada konsep adalah sama iaitu ta'liq spontan atau ta'liq langsung yang dilafazkan oleh suami selain jenis-jenis ta'liq yang dinyatakan dalam Enakmen. Antara lain jenis ta'liq yang tidak terdapat dalam enakmen adalah ta'liq suami ghaib dan ta'liq tidak bersekedudukan.

Jadual 4.2.1 Kes-kes Cerai Ta'liq Jajahan Kota Bharu mengikut Kategori

Jenis kes	Tahun	1997		1998		1999		2000		2001	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Ta'liq tinggal	53	38.7		82	42.3	83	48	74	51.4	80	40.6
Ta'liq tidak peduli	50	36.5		51	26.4	41	23.7	42	29.2	69	35
Ta'liq menyakiti tubuh	12	8.7		28	14.4	18	10.4	12	8.3	13	6.7
Ta'liq tidak beri nafkah	2	1.5		2	1	6	3.5	1	0.7	3	1.5
Ta'liq persendirian/lisan	18	13.1		28	14.4	24	13.8	14	9.7	31	15.7
Ta'liq tidak sekedudukan	2	1.5		1	0.5	1	0.6	1	0.7	1	0.5
Ta'liq suami ghaib	0	0		2	1	0	0	0	0	0	0
Jumlah	137	100		194	100	173	100	144	100	197	100

Jadual 4.2.2 Peratus Kes Cerai Ta'liq Jajahan Kota Bharu mengikut Tahun



Berdasarkan jadual 4.2.1, kes-kes cerai ta'liq yang didaftarkan sepanjang tahun 1997 adalah sebanyak 137. Daripada jumlah tersebut sebanyak 53 kes ta'liq tinggal (38.7%), 50 kes ta'liq tidak peduli (36.5%), 12 kes ta'liq menyakiti tubuh badan (8.7%). Manakala kes ta'liq tidak memberi nafkah hanya 2 kes sahaja (1.5%). Kes-kes ta'liq lisan yang didaftarkan adalah sebanyak 18 kes (13.1%). Dan kes ta'liq tidak sekedudukan yang sebanyak 2 kes (1.5%). Kes ta'liq tidak sekedudukan dituntut oleh isteri yang yang berkahwin bersertakan lafaz ta'liq negeri lain. Jadual 4.2.2 menunjukkan perbandingan jumlah peratusan kes setiap katagori untuk setiap tahun.

Pada tahun 1998 sebanyak 194 kes cerai ta'liq yang didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu. Daripada jumlah tersebut, kes ta'liq tinggal yang didaftarkan adalah sebanyak 82 kes. Ia membabitkan 42% daripada jumlah keseluruhan kes. Manakala kes ta'liq tidak peduli sebanyak 51 kes (26.4%) dan 28 kes ta'liq memudaratkan atau menyakiti tubuh badan isteri (14.4%). Manakala bagi kes ta'liq tidak memberi nafkah hanya 2 kes didaftarkan. Kes-kes ta'liq lisan atau ta'liq persendirian juga agak banyak didaftarkan pada tahun ini berbanding dengan tahun-tahun lain iaitu sebanyak 28 kes. Bagi kes ta'liq tidak sekedudukan hanya 1 kes. Pada tahun ini terdapat kes yang didaftarkan diletakkan di bawah jenis kes ta'liq kerana suami ghaib dan ia tidak berlaku pada tahun-tahun yang lain. Terdapat 2 kes ta'liq suami ghaib yang didaftarkan. Kes ini juga dituntut oleh pasangan yang berkahwin di negeri lain dengan lafaz ta'liq negeri tersebut.

Pada tahun 1999 sebanyak 173 kes cerai ta'liq yang didaftarkan. Daripada jumlah itu 83 kes adalah kes ta'liq tinggal (48%). Jumlah ini merupakan yang terbanyak berbanding tahun-tahun lain. Manakala sebanyak 41 kes ta'liq tidak peduli (23.7%), 18 kes memudaratkan tubuh badan (10.4%) dan 6 kes ta'liq tidak memberi nafkah (3.5%). Terdapat 24 kes ta'liq persendirian (13.8%) dan 1 kes ta'liq tidak sekedudukan.

Tahun 2000 pula sebanyak 144 kes didaftarkan. Kes ta'liq tinggal yang didaftarkan adalah sebanyak 74 kes (51.4%), 42 kes ta'liq tidak peduli (29.1 %) dan sebanyak 12 kes ta'liq memudaratkan tubuh badan (8.3%). Hanya 1 kes ta'liq tidak memberi nafkah yang didaftarkan dan begitu juga 1 kes ta'liq tidak sekedudukan. Manakala bagi kes ta'liq persendirian yang didaftarkan tahun ini adalah sebanyak 14 kes (9.7%).

Statistik kes cerai ta'liq yang didapati adalah sehingga akhir 2001, dimana terdapat 197 kes yang didaftarkan . Daripada jumlah itu 80 kes adalah kes ta'liq tinggal (40.6%), 69 kes ta'liq tidak peduli (35%) dan 13 kes ta'liq memudaratkan tubuh badan (6.7%). Bagi kes ta'liq tidak memberi nafkah didaftarkan sehingga akhir tahun 2001 adalah sebanyak 3 kes (1.5%). Manakala kes-kes persendirian adalah sebanyak 31 kes (15.7%). Terdapat juga 1 kes ta'liq tidak sekedudukan yang didaftarkan tahun ini.


Daripada statistik yang didapati dapat dirumuskan bahawa sepanjang lebih kurang lima tahun mulai 1997 hingga tahun 2001 sebanyak 845 kes cerai ta'liq telah didaftarkan di Mahkamah Syariah kota Bharu. Jadual 4.2.3 dapat

menunjukkan perbandingan peratus antara kes-kes cerai ta'liq mengikut katagori. Kes yang paling banyak adalah kes cerai ta'liq meninggalkan isteri iaitu sebanyak 372 kes (44%). Di ikuti dengan kes cerai ta'liq tidak peduli iaitu sebanyak 253 kes (29.9%) dan kes ta'liq memudarangkan tubuh badan isteri sebanyak 83 kes (9.8%). Manakala kes ta'liq tidak memberi nafkah agak kurang iaitu sebanyak 14 kes (1.7%) bagi tempoh lima tahun tersebut.

Kes-kes ta'liq persendirian atau ta'liq lisan yang didaftarkan sepanjang lima tahun tersebut adalah sebanyak 115 kes (13.3%). Manakala kes-kes lain seperti kes ta'liq suami ghaib hanya 2 kes sahaja (0.2%) dan kes ta'liq tidak sekedudukan jumlahnya hanya 6 kes iaitu antara 1 hingga 2 kes sahaja didaftarkan bagi tahun-tahun tertentu. Bagi kes suami ghaib hanya dua kes sahaja yang didaftarkan.

Kes-kes ta'liq persendirian paling kurang dituntut berbanding ta'liq tinggal, ta'liq pukul, ta'liq tidak peduli dan ta'liq tidak sekedudukan. Ini kerana bagi kes ta'liq persendirian, kebiasaannya tidak semua suami atau isteri yang terlibat datang ke mahkamah memohon untuk dibicarakan kes, bahkan ada antara kes mereka tidak perlu difailkan. Ini kerana tuntutan kes ta'liq persendirian dibuat untuk mengesahkan jatuh talak atau tidak dan tidak semua kes disahkan jatuh talak oleh hakim. Kadang kala tuntutan dibuat untuk menyucikan ikatan perkahwinan daripada keraguan sama ada gugur talak atau tidak.

Jadual 4.2.3 Perbandingan Kes Cerai Ta'liq Jajahan Kota Bharu (Dalam Peratus)



Jadual di atas dengan jelas menunjukkan kes ta'liq tinggal paling banyak dituntut oleh isteri di jajahan Kota Bharu. Ini membuktikan ramai suami yang tidak bertanggungjawab meninggalkan isteri. Ini juga menunjukkan ramai isteri yang telah ditinggalkan suami menggunakan alasan tersebut untuk menuntut cerai berbanding dengan alasan tidak memberi nafkah dan tidak peduli.

Pada pandangan penulis juga kes-kes cerai ta'liq tidak memberi nafkah agak berkurangan berbanding dengan kes-kes ta'liq tinggal dan ta'liq tidak peduli disebabkan alasan tidak memberi nafkah sudah pun termasuk dalam ta'liq tinggal dan ta'liq tidak peduli. Ini kerana kebanyakan tuntutan yang dibuat oleh isteri dalam ta'liq tinggal dan ta'liq tidak peduli alasannya termasuklah suami meninggalkan isteri lebih dari empat bulan. Alasan ini dengan sendirinya merangkumi alasan tidak memberi nafkah. Begitu juga dalam tuntutan ta'liq tidak peduli.


Bagi kes-kes ta'liq tidak sekedudukan dan kes ta'liq suami ghaib, ia dituntut oleh isteri-isteri yang telah berkahwin di negeri lain dengan bersertakan

lafaz ta'liq oleh suami mengikut negeri berkenaan. Walaupun syarat-syarat sedemikian tidak terdapat dalam lafaz ta'liq negeri Kelantan, tetapi Mahkamah Syariah Kota Bharu mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes tersebut. Kes kes sedemikian jarang dituntut kerana tidak ramai pasangan yang berkahwin di negeri lain menetap di Kelantan. Di samping itu kebanyakan isteri yang berasal dari Kelantan akan berkahwin di Kelantan.

Jadual 4.2.4 Jumlah Keseluruhan Kes Cerai Ta'liq Jajahan Kota Bharu

Tahun	1997	1998	1999	2000	2001	Jumlah
Bilangan Kes	137	194	173	144	197	845
%	16.2	23	20.5	17	23.3	100

Jadual 4.2.5 Peratus Keseluruhan Kes Cerai Ta'liq Jajahan Kota Bharu



Berdasarkan jadual 4.2.4 dan 4.2.5 di atas, perceraian ta'liq dalam tempoh lima tahun tersebut boleh dikatakan meningkat. Dari tahun 1997, kadar tuntutan kes cerai ta'liq sebanyak 16.2% kepada tahun 2001 sebanyak 23.3%. Ini menunjukkan berlaku peningkatan sebanyak 7.1%. Walaupun demikian, peningkatan ini tidak berlaku berterusan dari setahun ke setahun. Kerana dalam tempoh lima tahun tersebut adakalanya meningkat dan adakalanya menurun.

Contohnya pada tahun 1998 pernah berlaku peningkatan sebanyak 23% kemudian menurun semula pada tahun berikutnya. Sehingga pada tahun 2001 berlaku peningkatan sekali lagi. Ini bererti peningkatan berlaku secara berkala tidak berturut-turut dari setahun ke setahun.

3


#### **4.3 Kes-kes Cerai Ta'liq Seluruh Jajahan Kelantan dari Tahun 1996 Hingga 2000.**

Jadual 4.3.1 Kes-kes Cerai Ta'liq` Jajahan Kota Bharu dan Jajahan Lain

Kawasan	1996		1997		1998		1999		2000	
	Bil	%								
Jajahan Kota Bharu	142	32.1	130	26.5	190	33.3	187	38.4	148	26.3
Jajahan Lain*	301	67.9	362	73.5	381	66.7	301	61.6	414	73.7
Jumlah	443	100	492	100	571	100	488	100	562	100

\*Machang, Kuala Krai, Tumpat, Pasir Mas, Gua Musang, Tanah Merah, Pasir Puteh, Jeli dan Bachok.

Jadual 4.3.2 Peratus Kes Cerai Ta'liq mengikut Jajahan



Jadual 4.3.1 dan 4.3.2 di atas menunjukkan statistik kes cerai ta'liq yang didaftarkan di mahkamah-mahkamah syariah di Kelantan dari tahun 1996 hingga

2000. Pada tahun 1996 sebanyak 443 kes telah didaftarkan. Dari jumlah itu, 142 kes (32.1%) didaftarkan di jajahan Kota Bharu dan 301 kes (67.9%) didaftarkan di jajahan-jajahan lain iaitu Machang, Kuala Krai, Tumpat, Pasir Mas, Gua Musang, Tanah Merah, Psir Puteh, Jeli dan Bachok.

Manakala pada tahun 1997, jumlah keseluruhan kes yang didaftarkan bertambah sebanyak 49 kes dari tahun sebelumnya iaitu 492 kes. Dari jumlah ini, 130 kes didaftarkan di jajahan Kota Bharu melibatkan jumlah 26.5% dan 362 kes di jajahan-jajahan lain (73.5%). Jumlah kes yang didaftarkan di Kota Bharu menurun sebanyak 12 kes, manakala di jajahan lain meningkat sebanyak 61 kes.

Pada tahun 1998 pula, jumlah kes yang didaftarkan di Kota Bharu ialah 190 kes dan di jajahan-jajahan lain sebanyak 381 kes. Jumlah keseluruhan adalah 571 kes. Ini menunjukkan 33.3% kes didaftarkan di Kota Bharu dan 66.7% di jajahan lain. Perbezaan kedua-duanya ialah sebanyak 191 kes, iaitu dimonopoli oleh jajahan-jajahan lain. Jika diperhatikan tahun ini jumlah kes yang didaftarkan di Kota Bharu meningkat sebanyak 60 kes. Iaitu dari 130 kes pada tahun sebelumnya kepada 190 kes.

Pada tahun 1999, jumlah kes yang didaftarkan adalah sebanyak 488. dari jumlah ini 187 kes didaftarkan di Kota Bharu dan selebihnya 301 kes didaftarkan di jajahan-jajahan lain. Peratusan jumlah kes di jajahan Kota Bharu sebanyak 38.4% dan lain-lain jajahan sebanyak 61.6%. Ini menunjukkan telah berlaku penurunan jumlah kes di kedua-dua kawasan berbanding tahun sebelumnya. Iaitu

bagi jajahan Kota Bharu, dari 190 kes menurun kepada 187 kes dan jajahan-jajahan lain dari 381 kes menurun kepada 301 kes.


Pada tahun terakhir iaitu tahun 2000, jumlah kes yang didaftarkan diseluruh jajahan mencatatkan peningkatan kepada 562 kes. Daripada jumlah tersebut 148 kes didaftarkan di Kota Bharu dan 414 di jajahan-jajahan lain. Masing-masing mencatatkan jumlah 26.3% dan 73.7%.

Jadual 4.3.3 dan 4.3.4 menunjukkan jumlah keseluruhan kes yang didaftarkan di semua jajahan di Kelantan sepanjang lima tahun tersebut iaitu sebanyak 2556 kes. Dari jumlah ini dapat dikira peratusan kes yang didaftarkan dari setahun ke setahun. Secara keseluruhannya menunjukkan peratus kes yang didaftarkan di seluruh jajahan di Kelantan meningkat dari setahun ke setahun kecuali tahun 1999 menurun sebanyak 3% berbanding tahun sebelumnya. Kes-kes yang didaftarkan pada tahun 1996 adalah sebanyak 16.4%, tahun 1997 sebanyak 18.2%, tahun 1998 sebanyak 21.1%, tahun 1999 sebanyak 18.1% dan tahun 2000 sebanyak 22%. Ini menunjukkan dari tahun 1996 hingga 2000 kes-kes yang didaftarkan di seluruh jajahan telah meningkat hampir 6%, iaitu dari 16.4% kepada 22%.

Jadual 4.3.3 Jumlah Kes Cerai Ta'liq Seluruh Jajahan

Tahun	1996	1997	1998	1999	2000
Jumlah kes	443	492	571	488	562
Peratus	16.4	18.2	21.1	18.1	22

Jadual 4.3.4 Peratus Kes Cerai Ta'liq Seluruh Jajahan




Jadual di atas menunjukkan peningkatan peratus kes cerai ta'liq. Ini menunjukkan kecenderungan isteri-isteri yang berkenaan menggunakan peruntukan cerai ta'liq sebagai jalan keluar dari sikap suami yang tidak bertanggungjawab. Ini juga membuktikan bertambahnya kesedaran di kalangan masyarakat Islam khususnya kaum wanita untuk menuntut hak mereka di mahkamah apabila dianiaya oleh suami.

#### 4.4 Kes-kes Cerai Ta'liq yang Selesai dibicarakan dari Tahun 1996 Hingga 2000

Jadual 4.4.1 Kes-kes Cerai Ta'liq yang Selesai mengikut Jajahan

Kawasan	Tahun	1996		1997		1998		1999		2000	
		Bil	%								
Jajahan Kota Bharu	1996	138	38	119	30	157	49	166	43	283	43
Jajahan-jajahan lain	1996	226	62	274	70	166	51	216	57	382	57
Jumlah	1996	364	100	393	100	323	100	382	100	665	100

Jadual 4.4.2 Peratus Kes Cerai Ta'liq yang Selesai mengikut Jajahan



Jadual 4.4.1 dan 4.4.2 di atas menunjukkan kes-kes cerai ta'liq yang selesai dibicarakan di setiap Mahkamah Syariah di Kelantan bagi tahun 1996 hingga tahun 2000. Pada tahun 1996 jumlah kes yang dapat diselesaikan adalah 364 kes. 138 kes (38%) diselesaikan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu dan 226 kes (62%) di selesaikan di jajahan-jajahan lain. Pada tahun 1997, jumlah keseluruhan kes yang dapat diselesaikan adalah sebanyak 393 kes. Ini menunjukkan berlaku pertambahan sebanyak 29 kes berbanding tahun sebelumnya. Kes yang didaftarkan di jajahan Kota Bharu sebanyak 119 kes (30%) dan jajahan-jajahan lain sebanyak 274 kes iaitu berjumlah (70%). Walaupun secara keseluruhannya berlaku peningkatan tetapi bagi jajahan Kota Bharu, jumlah kes yang berjaya diselesaikan telah menurun sebanyak 8%.

Manakala bagi tahun 1998, jumlah kes yang dapat diselesaikan ialah 323 kes. Dari jumlah ini, 157 kes adalah kes yang diselesaikan di Kota Bharu dan 166 kes diselesaikan di jajahan-jajahan lain. Masing-masing melibatkan peratusan sebanyak 49% dan 51%. Jumlah kes yang selesai di jajahan Kota Bharu telah

bertambah sebanyak 38 kes berbanding tahun sebelumnya. Sebaliknya bagi jajahan-jajahan lain, jumlah kes yang diselesaikan berkurangan sebanyak 108 kes.


Bagi tahun 1999, sebanyak 382 kes telah dapat diselesaikan. Ini menunjukkan telah berlaku pertambahan sebanyak 59 kes dari tahun sebelumnya. Dari jumlah keseluruhan ini, sebanyak 166 kes (43%) dapat diselesaikan di jajahan Kota Bharu dan selebihnya 216 kes (57%) diselesaikan di jajahan-jajahan lain.

Pada tahun 2000 pula, telah berlaku pertambahan kes dan kes-kes yang berjaya diselesaikan juga bertambah. Secara keseluruhan jumlah kes yang dapat diselesaikan adalah sebanyak 665 kes. Daripada jumlah tersebut 283 kes (43%) diselesaikan di jajahan Kota Bharu dan 382 kes (57%) diselesaikan di jajahan-jajahan lain. Peningkatan jumlah kes yang ketara telah berlaku sehingga hampir satu kali ganda berbanding tahun sebelumnya iaitu dari 382 kes yang berjaya diselesaikan pada tahun 1999 telah meningkat kepada 665 kes diselesaikan pada tahun 2000. Ini membuktikan pihak mahkamah telah berusaha menyelesaikan kes-kes cerai ta'liq tanpa sengaja melengah-lengahkannya. Jadual 4.3.3 dan 4.3.4 di bawah menjelaskan lagi kenyataan ini.

Jadual 4.4.3 Jumlah Keseluruhan Kes Cerai Ta'liq yang Selesai

Tahun	1996	1997	1998	1999	2000
Jumlah Kes selesai	364	393	323	382	665
Peratus	17	19	15	18	31

Jadual 4.4.4 Peratus Keseluruhan Kes Cerai Ta'liq yang Selesai




#### 4.5 Kes-kes Cerai Ta'liq yang Tertangguh Mulai Tahun 1996 Hingga 2000

Jadual 4.5.1 Kes-kes Cerai Ta'liq yang Tertangguh mengikut Jajahan

Kawasan	1996		1997		1998		1999		2000	
	Bil	%								
Jajahan Kota Bharu	171	44	27	17	100	19	94	21	89	13
Jajahan lain	220	56	130	83	418	81	365	79	579	87
Jumlah	391	100	157	100	518	100	459	100	668	100

Jadual 4.5.2 Peratusan Kes Cerai Ta'liq yang Tertangguh mengikut Jajahan



Statistik kes cerai ta'liq yang tertangguh di mahkamah-mahkamah Syariah di Kelantan dapat dilihat dari jadual 4.5.1 dan 4.5.2 di atas. Dari jadual tersebut boleh dikatakan bahawa bilangan kes cerai ta'liq yang tertangguh di setiap jajahan agak meningkat setiap tahun. Pada tahun 1996, jumlah kes yang tertangguh adalah sebanyak 391 kes. Di jajahan Kota Bharu, sebanyak 171 kes cerai ta'liq yang tertangguh (44%). Manakala di jajahan-jajahan lain sebanyak 220 kes (56%).

Pada tahun 1997 pula, kes-kes cerai ta'liq yang tertangguh dicatatkan di jajahan Kota Bharu adalah antara bulan Januari hingga Oktober. Jumlahnya adalah sebanyak 27 kes iaitu 17.2%. Manakala bagi jajahan-jajahan lain adalah sebanyak 130 kes (83%). Kes-kes tertangguh bagi kedua-dua jajahan tersebut berjumlah 157 kes. Oleh kerana jumlah kes cerai ta'liq yang dicatatkan di jajahan Kota Bharu sehingga bulan Oktober, maka ia menyebabkan wujudnya perbezaan yang ketara berbanding dengan jumlah kes yang tertangguh pada tahun sebelumnya.

Bagi tahun 1998 pula, kes-kes yang tertangguh bagi jajahan Kota Bharu ialah sebanyak 100 kes (19%). Manakala bagi jajahan-jajahan lain adalah sebanyak 418 kes (81%). Jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 518 kes. Jumlah kes yang tertangguh bagi seluruh jajahan mencatatkan peningkatan sebanyak 361 kes. Ini menunjukkan suatu jumlah yang tinggi berbanding tahun-sebelumnya.

Pada tahun 1999, kes yang tertangguh di jajahan Kota Bharu adalah sebanyak 94 kes. Manakala bagi jajahan-jajahan lain sebanyak 365 kes. Kedua-dua kawasan melibatkan jumlah 21% dan 79%. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 459 kes. Kedua-dua kawasan menunjukkan jumlah kes yang tertangguh agak menurun tetapi masih lagi tinggi jumlahnya iaitu 459 kes.


Bagi tahun 2000 pula, jumlah keseluruhan kes yang tertangguh bagi kedua-dua kawasan adalah sebanyak 668 kes. Ini dengan jelas menampakkan berlaku peningkatan sebanyak 209 kes yang tertangguh dari tahun 1999 hingga tahun 2000. Walaupun bagi jajahan Kota Bharu kes tertangguh menurun iaitu dari 94 kes kepada 89 kes, tetapi bagi jajahan-jajahan lain berlaku pertambahan jumlah kes tertangguh yang ketara. Iaitu dari 365 kes pada tahun sebelumnya kepada 579 kes pada tahun 2000.

Jadual 4.5.3 dan 4.5.4 menunjukkan peratus keseluruhan kes tertangguh sepanjang tahun 1996 hingga 2000. Dalam tempoh lima tahun tersebut, tahun 2000 merupakan tahun berlakunya peningkatan kes tertangguh yang paling banyak (30%). Jumlah kes tertangguh yang paling kecil adalah pada tahun 1997 iaitu sebanyak 7%. Ini menunjukkan berlaku peningkatan sebanyak (23%). Pertambahan kes-kes yang tertangguh masih berlaku setiap tahun walaupun telah banyak kes yang diselesaikan. Contohnya dapat dilihat pada jadual 4.4.3, kes yang diselesaikan pada tahun 2000 telah meningkat kepada 665 kes, tetapi dalam masa yang sama kes yang belum selesai masih lagi banyak berdasarkan jadual 4.5.3. Perkara ini berlaku disebabkan kes-kes yang tertangguh bukan sahaja dari tahun sebelumnya, malah dari dua atau tiga tahun sebelumnya.

Jadual 4.5.3 Jumlah Keseluruhan Kes Tertangguh mengikut Tahun

Tahun	1996	1997	1998	1999	2000
Jumlah Kes Tertangguh	391	157	518	459	668
Peratus	18	7	24	21	30

Jadual 4.5.4 Peratus Keseluruhan Kes Tertangguh mengikut Tahun



Jadual 4.5.3 dan 4.5.4 menunjukkan perbandingan peratus kes cerai secara keseluruhan dari tahun 1996 hingga tahun 2000. Tahun 1998 mencatatkan jumlah peratus yang tertinggi iaitu sebanyak 23% dan tahun 1999 paling rendah (16%). Pada tahun 2000 sebanyak 21% dan tahun-tahun selainnya iaitu 1996 dan 1997 sebanyak 20% dan 19%. Ini menunjukkan pada tahun 1998, ramai pasangan yang bercerai berbanding tahun-tahun lain. Ini juga menunjukkan peningkatan kadar perceraian di Kelantan tidaklah berlaku dari setahun ke setahun tetapi adakalanya meningkat dan adakalanya menurun bergantung kepada keadaan.

### Kesimpulan

Analisis di atas jelas menunjukkan bahawa jumlah tuntutan kes cerai ta'liq dan jumlah keseluruhan kes cerai secara umumnya meningkat, tetapi

peningkatan ini tidak bererti berlaku dari setahun ke setahun. Peningkatan berlaku tidak menentu dalam tempoh lima tahun tersebut. Pada setengah tahun meningkat dan setengahnya menurun. Tuntutan kes-kes fasakh menunjukkan jumlah yang kecil dan tidak berlaku peningkatan yang ketara. Jumlahnya antara 5 hingga 17 kes sahaja. Kes-kes cerai biasa memang biasa dituntut dan mudah dituntut. Ini menyebabkan jumlahnya paling banyak. Kemudian diikuti dengan tuntutan cerai ta'liq dan fasakh. Antara tuntutan cerai ta'liq dan fasakh, jumlah kes cerai ta'liq lebih banyak dituntut. Ini membuktikan ramai isteri yang menggunakan peruntukan cerai ta'liq untuk bercerai berbanding tuntutan fasakh. Antara tuntutan cerai ta'liq pula, tuntutan ta'liq tinggal paling banyak dituntut berbanding tuntutan ta'liq tidak peduli, ta'liq tidak memberi nafkah dan ta'liq menyakiti tubuh badan. Ini menunjukkan ramai isteri yang ditinggalkan suami menggunakan alasan tersebut untuk bercerai sebagai jalan keluar dari beban hidup berumahtangga.